

Headline	TNB serah pusat kelip-kelip kepada MDKS		
Date	26. Feb 2009	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	27
Section	Dlm Negeri	Article Size	361 cm2
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color
		AdValue	7153.30



TNB serah pusat kelip-kelip kepada MDKS

KUALA SELANGOR 25 Feb. – Setelah mengambil masa dua tahun menyiapkan kerja menaiktaraf infrastruktur di Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan dekat sini, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) akhirnya secara rasmi menyerahkan pusat berkenaan kepada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) hari ini.

Kerja menaik taraf infrastruktur membabitkan kos hampir RM1.2 juta itu adalah kerjasama antara TNB, kerajaan Selangor dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam usaha memulihara habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan.

Antara kerja menaiktaraf yang dilaksanakan TNB di kawasan seluas 4.8 hektar itu ialah membina empat unit wakaf, menyediakan lorong keluar di jeti sedia ada, membaik pulih pintu gerbang, membina ruang pejalan kaki sekitar pusat kelip-kelip dan mengubahsuai dewan yang dahulunya kedai cenderamata kepada dewan mini teater.


Berucap pada majlis simbolik penyerahan Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan itu kepada

Yang Dipertua MDKS Haris Kassim, Naib Presiden Kanan (Hal Ehwal Korporat) TNB Datuk Abdul Razak Abdul Majid berkata, usaha menaik taraf pusat kelip-kelip itu adalah satu tanggungjawab sosial korporat.

"Langkah ini juga selaras dengan prinsip asas TNB iaitu apa jua projek atau pembangunan yang dilaksanakan olehnya pada masa akan datang, tidak akan menjejaskan konsep alam persekitaran," katanya yang berharap MDKS akan menjalankan kerja penyelenggaraan pusat itu secara teratur.

Pada 26 September 2005, satu Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai oleh Kerajaan Selangor, TNB dan FRIM untuk bekerjasama memulihara habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan.

Melalui perjanjian yang berakhir tahun depan itu, TNB akan menyediakan dan menaik taraf infrastruktur di Kampung Kuantan termasuk dalam aspek pengangkutan manakala FRIM pula akan menjalankan kajian terperinci mengenai kelip-kelip agar bilangannya dapat ditingkatkan. - BERNAMA



ABDUL Razak Abdul Majid (kanan) dan Haris Kassim ketika merasmikan Majlis Penyerahan Projek Menaik Taraf Infrastruktur di Pusat Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor, semalam.